

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

STU322 – Organisasi Khidmat Manusia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan sahaja. Soalan No. 1 adalah wajib.

Soalan No. 1

- a) Misi dan objektif perlu dibentukkan sebelum sesuatu program perkhidmatan sosial diperkenalkan. Jelaskan rasional tindakan tersebut.
- b) Pilih satu masalah remaja masa kini. Berdasarkan masalah yang dipilih:
 - i) Nyatakan satu program yang boleh diwujudkan untuk menangani masalah tersebut.
 - ii) Nyatakan misi dan empat objektif untuk program tersebut.
 - iii) Huraikan dua (2) aktiviti untuk mencapai misi dan objektif tersebut.

(100 markah)

Soalan No. 2

Pilih **satu** teori pengurusan organisasi yang anda telah pelajari.

- i) Huraikan teori tersebut.
- ii) Sejauhmanakah teori ini relevan dan boleh digunakan dalam organisasi khidmat manusia.

(100 markah)

...2/-

Soalan No. 3

Terdapat elemen-elemen yang penting dalam proses perancangan. Pilih satu model perancangan dan bincangkan kesemua elemen tersebut.

(100 markah)

Soalan No. 4

Huraikan strategi/teknik yang boleh digunakan dalam memotivasi pekerja. Bincangkan juga kesan setiap strategi ini terhadap pekerja.

(100 markah)

Soalan No. 5

Penyeliaan adalah satu komponen yang penting dalam pengendalian organisasi khidmat manusia.

- i) Jelaskan peranan yang dimainkan oleh penyelia.
- ii) Anda merupakan seorang penyelia di agensi. Pekerja yang diselia merupakan seorang sukarelawan yang lebih tua daripada anda. Kerjanya dengan klien cukup baik, tetapi beliau bukan seorang yang "reliable". Organisasi anda bergantung kepada sukarelawan ini tetapi kerana sikapnya, ia menimbulkan masalah kepada agensi.

Bincangkan bagaimana anda boleh mengatasi masalah ini.

(dalam 001)

(100 markah)

- oo oo oo -

(dalam 001)